

Kempen Beli 1 Percuma 1 Tiket Kelas Perniagaan Malaysia Airlines - Terma dan Syarat

1. Pembayaran mesti dibuat dengan Kad Mastercard Maybank yang dikeluarkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran 196001000142) atau Kad Mastercard Maybank Islamic yang dikeluarkan oleh Maybank Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 200701029411). Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, Malayan Banking Berhad dan Maybank Islamic Berhad adalah dirujuk secara kolektif sebagai "Maybank").
2. Tawaran ini hanya sah untuk pembelian yang dibuat melalui Holiday Tours & Travel Sdn Bhd (No. Pendaftaran 197501001345), melalui alamat e-mel mbb@holidaytours.com.my, panggilan telefon di 03-2303 1568 atau melalui WhatsApp di 012-2905682 dari 4 September 2025 - 7 September 2025, Khamis hingga Ahad, 9 pagi – 9 malam dan 8 September 2025 - 30 November 2025, 9.00 pagi - 5.30 petang (tidak termasuk Cuti Umum). Untuk pertanyaan yang diterima di luar waktu operasi melalui e-mel dan WhatsApp, Holiday Tours akan menjawab pada hari bekerja berikutnya.
3. Tawaran ini hanya sah untuk tambang asas, tidak termasuk semua cukai, yuran, dan surcay. Ahli kad perlu membayar semua yuran lain selain tambang asas.
4. Tiket yang dibayar dan tiket percuma layak untuk kelas tempahan 'Z', 'D', 'C' atau 'J' di mana tiket percuma akan dikeluarkan pada tambang terendah yang tersedia pada masa tempahan.
5. Tiket percuma tidak sah untuk Business Suites.
6. Tambang adalah tertakluk kepada ketersediaan dan boleh berubah tanpa notis terlebih dahulu.
7. Tawaran ini tertakluk kepada kuota dan akan diberikan mengikut keutamaan tempahan dan terhad kepada peruntukan kempen sebanyak Ringgit Malaysia 3 juta RM3,000,000.00). Maybank berhak untuk menamatkan Kempen ini lebih awal sekiranya peruntukan kempen telah digunapakai sepenuhnya sebelum tarikh akhir Kempen.
8. Tawaran ini sah untuk tempahan dari 4 September 2025 – 30 November 2025.
9. Tawaran ini sah untuk tempoh perjalanan antara 5 September 2025 – 4 September 2026.
10. Tawaran ini terhad kepada 1 tiket percuma bagi setiap ahli Kad Utama dan Kad Tambahan. Jika terdapat pembelian tiket berganda, tambang terendah akan ditolak sebagai tiket percuma.
11. Ahli kad mestilah menjadi salah seorang penumpang untuk layak bagi tawaran ini.
12. Ahli kad dan peneman yang menggunakan tiket percuma mesti menempah dan melakukan perjalanan bersama-sama dalam penerbangan yang sama.
13. Tawaran ini hanya sah untuk perjalanan Malaysia Airlines dua-hala yang berlepas dari Malaysia sahaja. Tidak sah untuk perjalanan/tiket sehalu, penerbangan kongsi kod atau penerbangan syarikat penerbangan ahli oneworld.
14. Setiap ahli kad hanya layak untuk 1 penebusan sahaja.
15. Tawaran ini tidak terpakai untuk mana-mana tambang promosi yang sedang berlangsung, diskaun khas atau tambang promosi taktikal Malaysia Airlines.
16. Tawaran ini tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau digunakan bersama dengan promosi / tawaran lain, kad kesetiaan / keistimewaan atau baucar / kupon.

17. Semua tiket yang dikeluarkan di bawah tawaran ini tidak boleh dikembalikan. Tiada bayaran balik akan diberikan dalam apa jua keadaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembatalan atau terlepas penerbangan.
18. Penukaran tarikh dibenarkan tetapi tertakluk kepada perbezaan tambang yang berkenaan, yuran penerbangan dan yuran perkhidmatan Holiday Tours sebanyak RM250 setiap tiket.
19. Tertakluk kepada terma dan syarat lain Malaysia Airlines dan Holiday Tours.
20. Maybank bukan pembekal barangan atau perkhidmatan dan tidak membuat sebarang representasi mengenai kualiti barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh peniaga yang mengambil bahagian.
21. Tertakluk kepada terma dan syarat kad berkenaan.
22. Tertakluk kepada terma dan syarat lain.